



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KSK LAND, SWM ENVIRONMENT JALIN KERJASAMA BERSIH PANTAI PORT DICKSON

PORT DICKSON, 15 OGOS 2022 – KSK Land dan SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menjalin kerjasama buat julung kalinya melaksanakan program pembersihan dan pengasingan sisa pantai di Port Dickson dan disertai seramai 30 orang sukarelawan daripada kedua-dua buah syarikat.

"Kami berbesar hati atas peluang untuk bekerjasama dengan SWM Environment bagi menjayakan program pembersihan pantai ini. Sebagai syarikat yang mengutamakan placemaking, kami berharap agar inisiatif ini dapat menjadi contoh kepada orang ramai akan kepentingan untuk memainkan peranan mereka dalam memelihara keindahan alam sekitar daripada pencemaran plastik. Selain itu, KSK Land juga gigih meningkatkan usaha-usaha untuk membangunkan program pelestarian kami dan menggalakkan orang ramai mengambil bahagian pada masa akan datang," tambah Joanne Kua, Pengarah Urusan KSK Land.

Tambah beliau lagi, melalui kerjasama erat diantara agensi-agensi swasta yang lain juga menjadi salah satu usaha positif mewujudkan masyarakat yang peka terhadap keperluan alam sekitar pada hari ini.

Hasil daripada aktiviti pembersihan pantai, pihak KSK Land dan SWM Environment berjaya mengutip sejumlah 70 kilogram sisa pantai yang terdiri daripada 616 puntung rokok, 13.72 kilogram bekas minuman plastik, tin minuman aluminium, bekas makanan plastik, pembungkus plastik, mainan kanak-kanak dan sebagainya.

Orang ramai tidak menyedari kesan sisa yang tidak diuruskan dengan baik terutama bahan plastik bukan hanya mengotori pemandangan dan mencemari persekitaran pantai tetapi memberi ancaman kepada hidupan laut sekiranya dibawa arus semasa air pasang. Sisa plastik yang terurai di dalam laut lama-kelamaan boleh bertukar menjadi mikroplastik. Mikroplastik ialah plastik yang mengalami proses pereputan sehingga menjadi partikel-partikel halus yang bersaiz kurang dari 5 milimeter.

Oleh itu, aktiviti pembersihan pantai yang dilaksanakan ini dapat membantu menyelamatkan hidupan marin daripada dicemari dengan sisa plastik selain daripada menjadikan kawasan pantai berada dalam keadaan bersih.

Pengunjung yang datang berkunjung ke pantai diminta untuk memberikan kerjasama untuk menggunakan fasiliti tong sampah yang telah disediakan bagi melupuskan sisa yang dijana ketika berkunjung di pantai.



-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

MENGENAI KSK LAND SDN. BHD.

Ditubuhkan pada tahun 2013, KSK Land adalah anak syarikat milik penuh KSK Group Berhad, sebuah syarikat pemegang pelaburan Malaysia yang mapan. Dengan kehadiran yang sedia ada dalam perniagaan insurans am di Asia Tenggara dengan KSK Insurance Indonesia dan KSK Insurance Thailand, dan portfolio usaha teknikalnya di bawah 'KSK Ventures' dengan syarikat-syarikat startup seperti Sunday Ins, KSK Group berkembang ke pasaran pembangunan hartanah di Malaysia melalui KSK Land. Sebagai pemain masa depan dalam kancah hartanah antarabangsa dengan fokus pada gaya hidup, reka bentuk dan penempatan, pengembangan perdana KSK Land iaitu 8 Conlay mencerminkan visi syarikat untuk membangunkan hartanah khusus yang mengutamakan reka bentuk, kualiti ketukangan dan gaya hidup. Untuk maklumat lanjut mengenai KSK Land, layari kskland.my



SWM ENVIRONMENT

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com